



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

Pembangunan Projek *Air Mobility*

Jabatan Perdana Menteri:

- (i) YBhg Dato' Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan

Malaysian Industry-Government Group for Hight Technology (MIGHT):

- (i) YBhg Datuk Dr Mohd Yusoff Sulaiman, Ketua Pegawai Eksekutif

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 19 JUN 2019**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] - *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Wong Chen [Subang]
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Cik Nurul Adila binti Hamdan [Jurubahasa Serentak (Jurubahasa dan Terjemahan, Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Puan Yusnani binti Zakaria [Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi III)]
Puan Hafiza binti Yaakub [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi III)]

Jabatan Peguam Negara

YBhg. Datuk Amirudin Abd Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat]
Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

Puan Fadzillah binti Shamsuddin [Timbalan Pengarah (Awam) (Pemeriksaan dan Perundangan)]

Kementerian Kewangan (MOF)

YBhg. Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Kawalan Pemantauan]

Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha Kawalan Pemantauan]

Jabatan Akauntan Negara

YBhg. Dato' Haji Ramli bin Chik [Pengarah (Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)

Y.Bhg. Dato' V. Valluvan a/l Veloo [Pengarah (Industri Pembuatan, Sains dan Teknologi)]

Encik Ahmad Salwadi bin Salleh [Ketua Penolong Pengarah (Infrastruktur)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Aznirul Fariz bin Alwi [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

SAKSI**Jabatan Perdana Menteri (JPM)**

YBhg. Dato' Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha Kanan]

Encik Shahrul Kamal bin Osman [Setiausaha Bahagian (Kewangan)]

Puan Inu Baizura binti Mohamad Zain [Timbalan Setiausaha (Bahagian Kewangan)]

Puan Siti Noor Baiti binti Mustafa [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kewangan)]

Malaysian Industry-Government Group For High Technology (MIGHT)

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman [Presiden & Ketua Eksekutif]

Puan Ida Semurni binti Abdullah Ali [Naib Presiden]

Puan Zeti Akmar binti Tajudin [Penolong Naib Presiden]

Puan Rohaiza binti Muhamad [Pengurus Kanan]

Encik Ahmad Razif bin Mohamad [Pengurus]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Rabu, 19 Jun 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama,
Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.33 pagi

[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini binti Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi: Kita mulakan ya, kita mulakan. Boleh ya semua? *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi, salam sejahtera kepada semua, terutamanya Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh selaku Naib Pengerusi Jawatankuasa PAC Parlimen, semua Ahli-ahli PAC, kita ada pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, JPA, Jabatan Peguam Negara, SPRM dan juga Jabatan Akauntan Negara yang berada di barisan belakang kami.

Terima kasih di atas kehadiran dalam sesi prosiding yang kedua untuk hari ini. So, jadinya Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, kita tadi telah mendengar penjelasan daripada MITI berhubung dengan Dasar Automotif Nasional ataupun NAP sebentar tadi dalam prosiding yang pertama. Jawatankuasa kali ini menyambung dengan prosiding yang kedua mengenai tajuknya adalah mengenai pembangunan *air mobility* dan kali ini kita hendak ataupun kita hendak mendengar penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap Kumpulan Industri Kerajaan bagi Teknologi Tinggi ataupun MIGHT.

Jadinya semua Yang Berhormat yang hadir di hadapan PAC, daripada JPM adalah Dato' Haji Hasnol Zam Zam Ahmad selaku Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM, Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan dan Pembangunan JPM, Encik Mohammad bin Ismail. Daripada MIGHT yang hadir adalah Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman, Presiden dan Ketua Eksekutif MIGHT. Ya, terima kasih datang dan terima kasih datang untuk menghadiri prosiding mengenai projek *air mobility* ini.

Untuk makluman semua, PAC Parlimen sebenarnya sudah memulakan prosiding berhubung pembangunan projek *air mobility* ini pada 14 Mei yang lepas. Kami telah memanggil Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Redzuan Md. Yusof selaku Menteri Pembangunan Usahawan yang hadir ketika itu bersama dengan Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, selaku KSU Kementerian Pembangunan Usahawan. Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen

dimaklumkan bahawa projek pembangunan *air mobility* ini masih di peringkat cadangan dan belum mengambil kira pandangan daripada mana-mana kementerian termasuk daripada MIGHT. Jawatankuasa juga dimaklumkan bahawa MITI kini dalam proses menyemak Dasar Automotif Nasional ataupun NAP yang dijangka diumumkan pada tahun ini. Ini berdasarkan pada laporan media massa.

Jadinya selain daripada itu JPM melalui MIGHT juga mempunyai *New National Car Programme* seperti yang dimaklumkan sendiri oleh Menteri dalam prosidingnya kepada PAC Parlimen. Jadinya Yang Berhormat Ahli Mesyuarat semua sekalian, selepas kita mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, PAC Parlimen membuat keputusan untuk Jawatankuasa ini turut mendengar penjelasan daripada MITI dan juga MIGHT berhubung program yang sedang dibangunkan ketika ini. Sama ada terdapat rancangan ataupun pelan mengenai projek *air mobility* ini dalam NAP ataupun dalam NNCP.

Jadinya, saya tidak mahu membuang masa, jadinya eloklah kita teruskan mesyuarat prosiding dengan menjemput Yang Berbahagia Dato' Haji Hasnol Zam Zam dan juga mungkin Datuk Dr. Mohd Yusoff Sulaiman untuk memberikan sedikit sebanyak taklimat. Dia punya cara dia selepas memberi taklimat, dia akan ada soal jawab daripada Ahli-ahli PAC kalau sekiranya masih lagi terdapat kurang ataupun penerangan yang diperlukan oleh pihak PAC. Dipersilakan Dato'.

Dato' Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini binti Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Naib Pengerusi. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera kepada semua Ahli-ahli mesyuarat. Saya Hasnol Zam Zam bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri. Bersama-sama saya ialah Datuk Dr. Mohd Yusoff Sulaiman, Presiden dan juga Ketua Eksekutif Kumpulan Industri Kerajaan bagi Teknologi Tinggi atau dikenali sebagai MIGHT.

Sedikit latar belakang. MIGHT merupakan sebuah syarikat *company limited by guarantee* di bawah JPM yang ditubuhkan pada tahun 1993 dengan mandat untuk memperkasa industri teknologi tinggi negara. Dalam membangun dan melaksanakan industri teknologi tinggi negara, MIGHT sentiasa mengguna pakai platform kerjasama awam swasta. Antara contoh output kerjasama pintar ini adalah pembangunan *Malaysian Aerospace Industry Blueprint* dan *National Solar Industry Roadmap 2030*.

Dokumen-dokumen strategik ini merangkumi hasrat dan keperluan pemain industri dan intervensi yang diperlukan daripada kerajaan bagi memacu industri tempatan sebagai sumber

ekonomi negara yang mampan. JPM sebagai kementerian sentiasa menyokong usaha dan memantau MIGHT dalam melaksanakan mandat mereka melalui pembabitan sebagai ahli lembaga pengarah dan penyaluran peruntukan operasi dan pembangunan. Sebagai makluman, peruntukan OE sebanyak RM10 juta disediakan untuk MIGHT setiap tahun dan peruntukan DE pula adalah sebanyak RM54 juta setahun. Sektor mobiliti sudah tentu berkait rapat dengan pembangunan industri teknologi tinggi dan melibatkan pelbagai kementerian dan agensi.

Justeru, MIGHT telah dilantik oleh kerajaan sebagai agensi pelaksana bagi projek kereta nasional baharu yang telah dicetuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Jun 2018 sebagai platform untuk menyemarakkan keupayaan teknologi, kejuruteraan dan perindustrian Malaysia termasuk pembangunan sumber manusia dan pembangunan rantaian vendor tempatan. Untuk taklimat yang lebih detil mengenai projek kereta nasional baharu ini, saya ingin menjemput Yang Berbahagia Datuk Dr. Mohd Yusoff Sulaiman, Presiden dan Ketua Eksekutif MIGHT untuk membentangkan status terkini projek tersebut kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara. Silakan.

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman [Presiden & Ketua Eksekutif, Malaysian Industry-Government Group For High Technology]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalammualaikum...*

■1140

Tuan Pengerusi: Yang Berbahagia Datuk, saya minta maaf Datuk. Sebelum memulakan *the presentation, I – because it is not really related to what we want because we want to know the tajuk is the project air mobility*. Jadinya, akan tetapi memandangkan telah menyediakan itu tetapi *do a very fast and very brief briefing of what you have done*, sangat ringkaslah. Ini kerana selepas itu kalau macam tidak ada apa-apa kita hendak lebih banyak bertanya mengenai *project kereta terbang*. Terima kasih.

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and a very good morning*. Seperti yang Dato' Dr. telah *stated that the air mobility has nothing to do with the new national car project. The new national car project is very much grounded and on the ground*.

I think if you refer to the slide why this national car project is very important, it is because of the many technological changes that are happening that we need to actually keep up in terms of our competency and capability. So, as you know the car of the future will be very much connected. That is why there is a lot of talk about 5G, how car talks to another car, car talks to building, car talks to pedestrians and etc. It is going to be a very connected car and this will be

represented by what we call a digital cockpit – dalam kereta itu we will be having a digital cockpit that can talk to many things as we want.

Tuan Pengerusi: *This include the kereta terbang? When you said the technology, I mean, it is just a question because you mentioned about ... [Disampuk]*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *Connectivity. Yes.*

Tuan Pengerusi: *...Connectivity semua but then you talked about the technology as well.*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *The terbang is technology. Do you consider that as part of the discussion when you derived dengan the policy?*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *Our discussion is basically on a car that is operating on the ground. But, of course in the future we can talk to a car which is flying – in the future, yes. I think that future is very real.*

Second element is the autonomous capability that means the car can drive by itself. As we know some of the cars have already done that, it can park by itself and etc. But that is level three or level four autonomous as we call it, level five is totally self-driving which is going to be coming up soon.

Then, shared is about ownership. Our young people do not want to own cars anymore. As you know, they prefer to use Grab, Uber and the rest. So, the way the car is going to be owned and bought, is going to be a bit different. Then, of course electric is the future for it costs of environmental and also cost-saving purposes. Of course, in Sarawak, there are already hydrogen-fueled buses and then there will also be fuel-cell and etc. So, these are movements towards running away from fossil fuel which is very environmental unfriendly.

Then, lightweight. Cars will be making used of composite carbon fiber and the rest to make it lighter so that utilisation of energy will be very less. So, this is the way we look at mobility that is shaping-up in the future. So, that is why it is very important that we actually look at the platform that can actually develop our competency and capability in this area. So, when the Prime Minister actually announced this project... [Disampuk]

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Sorry, I am so sorry to disturb but Tuan Pengerusi, I want to ask a follow-up question related to your vision at the beginning. Ini kerana disebut tadi autonomous capabilities, of course 5G. So, we all know a part of the NET developed by MITI also includes air mobility. So, can I know why are you excluding that bit considering that Singapura pun contohnya akan melancarkan air taxies yang menunggu kelulusan American Aviation Authority. Jadi, mungkin saya hendak tahu pandangan Dato' Dr.*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *The idea of the new national car project is based on the current competency of what the vendors – local vendors and local companies are capable of. That is a starting point. So, in the future we might be talking about capability to make the car fly and etc. ya Yang Berhormat. So, we ... [Disampuk]*

Tuan Wong Chen [Subang]: *Datuk, let us just be very clear. We are not here to listen to your third national car. It is because the issue of the flying car came out almost at the same time – the time scale as the third national car. So, there is a lot of confusion to the public that the third national car is a flying car. Can we conclusively, you know, your testimony that it has nothing to do with it. Then we can move on to the question regarding the third national car.*

Chairman, otherwise you will spend – I mean I appreciate what you have prepared. But we do have a time constraint and we do want to get down to the issue of the flying car in particular. So, can you tell us that and then we move on to the question from the members.

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *Thank you Yang Berhormat. I think that was already established that the new national car has nothing to do with the flying car. So, it is very much grounded in every sense.*

Tuan Wong Chen: *In that case Chairman with your permission, I would like to ask the very first question. At any time did Aerodyne Group approached you to talk about their flying car concept under the Prime Minister Department or under MIGHT?*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *We have a subsidiary that is called as VentureTech which is investing in new technological areas in local companies and Aerodyne has been evaluated and our company has decided to invest in the company. It is because this is the future. This is the future.*

Tuan Pengerusi: *Minta maaf Datuk, siapa yang decided to invest in that company?*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *VentureTech.*

Tuan Pengerusi: *The VentureTech.*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *Yes, the VentureTech is a part of the DE that Dato' Hasnol was talking about that is given to MIGHT to invest in local companies with this kind of technologies.*

Tuan Wong Chen: *Okay, so VentureTech is a subsidiary company or Badan under the Prime Minister Department. Is it?*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *Yes.*

Tuan Wong Chen: *How much did they invest in Aerodyne?*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *So far it is RM10 million.*

Tuan Wong Chen: *RM10 million invested?*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Semenjak, semenjak.

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *It is approved and going to be invested into the company. It is recently being... [Disampuk]*

Tuan Pengerusi: *It means that ... [Disampuk]*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Boleh saya tahu bila ... [Disampuk]*

Tuan Pengerusi: *...Ada proposal, kemudian selepas proposal you guys evaluated the proposal and it has been agreed. The proposal was agreed, betul?*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *Cuma duit belum masuk lagi?*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *Yes.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Tuan Pengerusi, boleh saya tanya bila diluluskan benda itu?*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *I do not have the details. Okay, 17th April.*

Tuan Wong Chen: *17th April?*

Tuan Pengerusi: *17th April this year bermaksud selepas ada diutarakan mengenai kereta terbang.*

Tuan Wong Chen: *I think the first time we heard about the flying car was somewhere in February 2019. So, about two months later the Prime Minister Department has proposed or committed to invest RM10 million.*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *The VentureTech is a subsidiary under MIGHT but it is also on the board of the VentureTech company, a representative of EPU and Ministry of Science and Technology (MESTECC) and also a few people from Nuclear Malaysia and etc. People who are very much adapted to the technological development. So, this company has its own board and its own investment committee that evaluates some of these investments and it will invest in companies that have potential in the future.*

Aerodyne is in the top seven companies in the world in terms of UAV and also apa ini. So, let's not just talking about flying cars. The capability is also in terms of unmanned area vehicle and drones. That is the one that we are I think...

Tuan Wong Chen: *So, your investment of or potential investment of RM10 million is based on their current existing business of UAV?*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *Yes.*

Tuan Wong Chen: *So, it is not an investment in the flying car.*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *No, it is not.*

Tuan Wong Chen: *I see. Okay. That is very important. So, was there an evaluation on the capacity and capability to do a flying car?*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *Well, that is not specific on the initiative itself. But the company has a track record already in terms of delivering applications in terms of unmanned area vehicle and drones Yang Berbahagia Dato'. That means application in terms of monitoring oil and gas pipeline dan sebagainya.*

Tuan Wong Chen: *We know that they do telco business. That is no disputed. It is the capacity of them to build the flying car. That is the issue here. So, to clarify, your potential investment or the investment by VentureTech – so VentureTech may invest up to RM10 million in Aerodyne but it has nothing to do with the flying car?*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *No, I do not think so. Yes.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Chairman, chairman. Saya hendak tanya – saya sudah go through sekejap tadi tentang proposal ini dan saya rasa MIGHT mempunyai kepakaran yang cukup dahsyat dalam dunia teknologi seperti ini.*

■1150

Cuma soalan saya kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Hasnol Zam Zam macam mana kepakaran yang ada pada MIGHT ini kita membenarkan pula kementerian lain membuat projek *air mobility* ini sedangkan kementerian ataupun MIGHT ini sudah ada kepakaran itu. Kenapa kita membiarkan kementerian lain membuat kerja yang sepatutnya kepakaran yang telah kita bentuk, telah *invest* ini kita biarkan kementerian lain yang buat.

Dato' Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad: Terima kasih. Maksud membiarkan kementerian lain itu...

Tuan Pengerusi: Idea datang daripada – minta maaf apabila dicakapkan kementerian lain sebab dia ada banyak, ada tiga. Kita *concern*, kita ada MITI, kita ada MIGHT yang memang kalau kita cakap mengenai dua kementerian dan dua agensi ini berkait rapat dengan *the development of automobile especially* dekat Malaysia. Akan tetapi kali ini apa Yang Berhormat tadi maksudkan ada kementerian lain yang kita tengok sangat *raw* yang mungkin kita melihat, kita jangkakan macam tidak ada pengalaman dari segi *the development of automotive*. Itu yang kita hendak tanya, adakah ada perbincangan sebelum itu sebab saya tengok Dato' juga mempengerusikan *NCP coordinating meeting* dan kami mendapat makluman melalui apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri bahawa idea ini datang semasa dia bermesyuarat dalam *National Development Council*. Jadinya minta penjelasan daripada pihak Dato' mengenai perkara ini.

Dato' Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad: Sebelum itu untuk makluman Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menjawat jawatan ini pada 17 April 2019. Jadi semenjak menjawat jawatan tersebut, saya tidak pernah terlibat dengan apa-apa yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan pada hari ini. Jadi mungkin Datuk Yusoff boleh membantu dalam menjawab soalan itu.

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *Explain* sedikit ada dalam *slide* berkenaan dengan *governance structure*. Maksudnya apabila bercakap fasal *National Development Council is chaired by PM and also four ministers and then other heads of agencies are there. Our rule in terms of reporting to this council was about the national car, that means the one that is on the ground. But in order for us to create a good ecosystem for industry to prosper, it is very important that ministries work together, that's why there is the committee, connecting committee that is chaired by KSN is actually including the KSU of four ministries and also by ICU.*

This is very important Tuan Pengerusi *because when we talk about industry development it is not just about technology, it is about finance, about regulations dan sebagainya. So, I think that is the reason why this ecosystem was built and it helps a lot in terms of kalau kita hendak bagi insentif. For autonomous car, you need a new regulation, we don't have the regulations yet. So, you know even for electric, full electric car we don't have the regulations yet so we have to get the regulations at par with the technological and product development.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Chairman*, saya menghormati *governance structure* yang ada di sini tetapi dalam kes projek *air mobility*, adakah perbincangan ini berlaku dalam peringkat ini dan *committee* di bawahnya.

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: Setahu saya tidak ada Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Jadi apa maksudnya wujudnya *governance structure* yang begitu cantik, tiba-tiba ada projek yang sedang berlaku tidak dapat diselaraskan?

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: Di peringkat *National Development Council* bukan sahaja *national car* dibincangkan di situ, *Cyberjaya Development* dan sebagainya pun ada di situ juga.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi projek Datuk. Akan tetapi projek *air mobility* ataupun kereta terbang ini besar impaknya. *Everyone was talking about it and still talking about it.* Takkanlah ia tidak dibincangkan dalam mesyuarat ini *because we are talking about coordination.* Takkanlah benda besar macam ini boleh terbiar rata sampai dimomok-momokkan oleh orang lain.

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: Ia idea Tuan Pengerusi, *many people can come out with their own idea but we as MIGHT we understand that the air vehicle taxi ataupun air taxi kah is going to be somewhere still in the future. That's why our focus is more on the what's on the*

ground and what we can do to help the vendors yang mana sudah diketepikan sebab syarikat PROTON dah *no longer owned by PROTON itself* dan sebagainya, *is to develop a new ecosystem for these companies to grow*. Jadi pada kita *yes, air mobility but it's something that in the future that we have to work on a lot of more other things*.

Tuan Pengerusi: *In the future* itu bila Datuk? Sebab dalam ini akhir tahun ini sudah hendak terbang ini, kereta terbang ini. Sudah ada *timeline* sudah.

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *As I said technology no issues tetapi regulations is going to be an issue. And then how do you manage traffic in the air is a very not many countries have solved that problem yet. So, this is not the technological issue, kita boleh – in fact...*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: Tuan Pengerusi, *unmanned air vehicle* ini kita sudah ada sebenarnya. Kita sudah *convert* kita punya *eagle aircraft* dahulu kepada *unmanned remote control*. Sudah ada *what you use it for*, kita pakai untuk *applications in terms of surveillance* dan sebagainya untuk *military application*, kita sudah buat, boleh terbang. *It doesn't matter...*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: *That was done in Malacca.*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *Yes correct* Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Saya ingat benda itu. Akan tetapi Tuan Pengerusi *what that really surprised me, you are supposed to be in the NACP technical meeting on the governance structure, you are supposed be the chairman of the technical committee. How come that you are not aware of all this?*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: Saya *aware* Yang Berhormat tetapi saya punya *focus is on the developing of the national car and to contribute to the country's GDP and develop the local vendors, those are my priorities.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kita tengah bincang tentang kereta terbang ini. Kita bercakap fasal kereta terbang.

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: Betul.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *But you are supposed to be the person who is in charge for that matter the chairman of the governance structure on technical.*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: Yes.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *You are supposed to be the person who are here well aware.*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *Now, dia kalau projek macam ini is initiated by the private sector, fine, they can do it on themselves. But the national car project ini is done by*

private sector, led by private sector but needs the government punya support because of the developmental objective yang kita hendak. Kalau dia buat dia pakai parts daripada negara-negara luar, then it'll defeat the purpose. We have companies in Penang yang membuat digital cockpit, we have companies dekat Kulim yang buat semiconductor chip yang ini yang kita hendak gunakan dalam the new national car supaya the car is national-kan? Ia ada localisation punya objektif.

But kalau orang hendak membuat kereta terbang and then it only involves the four fans and then tidak ada banyak opportunity for us, for the country to benefit, then let the private sector buatlah. But like I said the private sector can do it but it has to also align to the regulations, to all these things.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Even if it is initiated or invested by foreign parties, eventually only infrastructure has got to be on us, you know, because we got to spend a lot of money. That is why we are here for. Itu yang kita hendak cakap sekarang. Kita kata kalau kita hendak bermula dengan kereta terbang ini, are we ready for that?*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *Certainly not, Yang Berhormat. I mean in our committee there is Ministry of Transport which is in charge of the air space, we don't have anything at all to manage the air mobility or air vehicle to operate. So even in our discussion about the new national car project, when we talk about electric vehicle, we are obvious about the fact that we need to put in the infrastructure charging, infrastructure in place dekat Klang Valley ini adalah 2,000 charging infrastructure but apabila pergi ke Terengganu, apabila pergi ke Kelantan macam mana? And then there is connectivity punya issues kalau katakan we look at autonomous for example, then dia punya broadband tidak cukup and then apabila tidak ada communications they cannot go anywhere. So, this we are very aware, we have been discussing all these issues except for the air mobility which we think 10 years from now only then we can actually look at it in the future.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Chairman...*

Tuan Pengerusi: *Yes, yes.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Akan tetapi sekarang Datuk, saya bukan bercakap tentang kapasiti, tentang infrastructure that which is required to start off but do you have that kind of money?*

Datuk Dr. Mohd Yusoff bin Sulaiman: *For the production of the new national car it is going to be private sector-led, there are already investors that are going to invest in that project. The infrastructure like charging kalau kita go for full electric which we will not go for a full electric because of the lack of infrastructure— maybe a combination is a hybrid moving towards electric.*

But the most important thing is a localisation of the parts and components made by companies in Malaysia, which are as good as the ones that are from the oversea Yang Berhormat, cuma tidak ada peluang. Tidak ada peluang hendak meletakkan dia punya product into a car because kalau you are going for Toyota for example, you kena bersedia tujuh tahun itu pun dia akan consider bagi you satu part kecil.

■1200

But this is our own decision, this is our own national car. Kita boleh letak whatever you want to put inside there. Make it very competitive.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Ya, saya masih hendak menjalankan tugas sebagai anggota PAC dalam tajuk kita tentang prosiding berhubung pembangunan projek *air mobility* ini. Saya ingin masih kembali kepada Dato' Haji Hasnol walaupun Dato' masuk 17 April tetapi bagi saya dalam tempoh ini, Dato' sudah boleh mengemaskan segala maklumat yang berkaitan dengan isu ini.

Sudah tentu Dato' mempunyai satu pandangan, apakah komen terhadap projek *air mobility* yang berada di Kementerian Pembangunan Usahawan yang kami sendiri yakin bahawa kementerian ini tidak ada kepakaran sebagaimana kepakaran yang ada di bawah JPM khususnya melalui MIGHT ini. Saya perlukan komen daripada Dato'.

Dato' Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, pertamanya kalau kita lihat kepada *governance structure* itu, *I'm nowhere to be seen as a person and as a post* ya. Oleh sebab itu saya bantahkan tadi di peringkat permulaannya tanggungjawab saya di JPM ini dalam hubung kait dengan MIGHT ini adalah menyediakan peruntukan yang diperlukan berdasarkan kepada program-program yang dirancang oleh MIGHT sama ada melibatkan *subsidiary companies, ventures companies* dan sebagainya dan sebahagian daripada bajet itu datang disalurkan melalui OE ataupun *operation expenditure* melalui MOF ataupun yang melibatkan projek-projek pembangunan.

Ini termasuklah pembangunan usahawan-usahawan dalam bidang inovasi, *high technology* dan sebagainya akan disalurkan oleh EPU ataupun Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Jadi di situ sahaja sebenarnya ruang lingkup tugas saya dan tanggungjawab terhadap MIGHT. Apa yang berlaku di peringkat MIGHT itu adalah dengan MIGHT dan *board of directors*-nya dan juga pengerusinya yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Projek-projek yang diputuskan dan akan dikemukakan kepada JPM *for bidding of expenditure* dan juga bajet itu akan dipertimbangkanlah melalui proses-proses yang ada. Cumanya kalau saya boleh memberi pandanganlah tentang idea *flying car, air mobility* dan sebagainya ini, mungkin atau mungkin tidak ada kaitan dengan projek yang dilaksanakan oleh

MIGHT. Apa yang dilaksanakan oleh MIGHT dalam konteks *new national car* ini adalah lanjutan kepada wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mewujudkan satu lagi industri yang boleh menjadi *catalyst* kepada banyak perkara lain, *vendor development, entrepreneurship, technology, owning the technology itself*.

Saya juga dimaklumkan antara apa yang menyebabkan hasrat untuk meneruskan ataupun memulakan satu projek *new national car* ini adalah kerana PROTON sendiri pernah berusaha untuk menghasilkan kereta sendiri ataupun enjinnya sendiri. Akan tetapi hasrat itu tidak dapat diteruskan disebabkan oleh perubahan *setting up environment* dan sebagainya, *especially* selepas diambil alih oleh syarikat lain.

Jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat bahawa ada potensi dan ada *opportunity* untuk kita *somehow* menyelamatkan usaha-usaha yang telah dibuat oleh PROTON itu dalam bentuk meneruskannya dan menjadi platform ataupun nukleus kepada pembangunan *the new national car*. Itu yang menyebabkan dan membawa kepada apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berbahagia Datuk Yusoff tadi.

Tentang idea daripada kementerian-kementerian lain, di dalam fungsi-fungsi menteri itu ada banyak perkara yang boleh *trigger ideas*. Contohnya *Ministry of Entrepreneur Development*. Dia mungkin melihat *flying car* ini sebagai satu *opportunity* ataupun platform untuk menggalakkan *entrepreneurship* sama ada di kalangan industri ataupun di kalangan *investors* yang mungkin hendak memperkenalkan *flying car* ini kepada pasaran.

Jadi itu mungkin menyebabkan berlakunya cetusan idea bahawa *national flying car* ini *as a platform* dan Menteri yang mungkin mencetuskan idea ini bercakap atas kapasiti beliau sebagai Menteri yang hendak menggalakkan *entrepreneur development*. Mungkin juga Menteri yang hendak menggalakkan *international trade investment* dan sebagainya mungkin boleh bercakap tentang idea yang bersamaan dengan industri mobiliti dan sebagainya. Akan tetapi dalam konteks yang berbeza dan atas melaksanakan fungsi beliau di bawah Akta Fungsi-Fungsi Menteri. Saya lihat itu sebagai kemungkinan Yang Berhormat mengapa ada ini.

Akan tetapi *of course* saya setuju sekiranya sesuatu itu hendak dibuat secara yang serius, maka *coordination* dan penyelarasan itu perlu berlaku. Cumanya pada peringkat ini, memang tidak ada *coordination* sebab mandat yang diberikan oleh *Board of Directors* MIGHT ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri adalah untuk MIGHT untuk membangunkan sebuah kereta yang di bawah tajuk *The New National Car* yang merupakan *a grounded car* walaupun akan ada banyak teknologi yang akan digunakanlah *for the car to top to the outside world* termasuk *car* yang di udara dan sebagainya. Jadi itu pandangan saya. Jadi

pelbagai agensi dalam konteks yang berbeza dan kebetulan idea mereka perlu digabung jalin atau di-*coordinate* dengan usaha-usaha yang lain.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Baik Dato', terima kasih. Cuma, projek *air mobility* ini adalah merupakan satu projek yang besar seperti yang disebutkan oleh *Chairman* yang lain semua faham. Betul Menteri berhak untuk bagi idea tetapi apabila sampai ke peringkat teknikal yang memerlukan kepakaran dan sebagainya, semua penjawat awam tahu bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan tidak ada kepakaran itu dan negara telah ada agensi yang berkaitan MIGHT dan juga bawah MITI paling tidak.

